

## **Teks Ucapan Sempena Majlis Himpunan Keluarga FELDA Teguh Bersama**

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 27/10/2022

---

### **TEKS UCAPAN YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA MENTERI**

### **SEMPENA MAJLIS HIMPUNAN KELUARGA FELDA TEGUH BERSAMA**

**27 OKTOBER 2022 | KHAMIS | 10.00 PAGI  
PADANG AWAM FELDA MAYAM, BERA, PAHANG**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran saya ucapkan ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia- Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama pada **Majlis Himpunan Keluarga FELDA Teguh Bersama** hari ini.

2. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penganjur terutamanya Tan Sri Idris bin Jusoh, Pengerusi FELDA dan seluruh warga FELDA kerana telah berjaya menganjurkan majlis yang meriah ini.

3. Majlis ini yang menghimpunkan warga peneroka dan generasi baharu, amat saya nanti-nantikan kerana saya berpeluang bertemu insan-insan yang berjuang bersama- sama FELDA sejak berdekad-dekad lamanya.

4. Justeru itu, warga FELDA sentiasa diberi perhatian khusus oleh Kerajaan dan saya sendiri sehingga ada yang melabelkan warga FELDA ini anak emas Kerajaan.

5. Jika label yang diberikan itu membawa maksud kesejahteraan warga FELDA, ini bermakna Kerajaan benar-benar menjaga kebajikan dan kemakmuran warga FELDA.

6. Kerajaan sentiasa serius dalam menjaga kemaslahatan Keluarga Malaysia termasuklah warga FELDA yang saya kasihi dan ini dibuktikan dengan pelbagai inisiatif diumumkan saban tahun untuk meningkatkan taraf hidup peneroka FELDA.

**Keluarga Malaysia FELDA yang saya kasihi,**

7. Pada sambutan Hari Peneroka FELDA 2022 yang diadakan pada bulan Julai lepas, saya sendiri telah mengumumkan pelbagai bentuk inisiatif untuk membantu warga FELDA termasuk generasi baharunya.

8. Pengumuman itu antara lainnya melibatkan model Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang ditambah baik dengan memperkenalkan inisiatif lot generasi FELDA.

9. Sebanyak **8,670 unit lot generasi FELDA** telah dikenal pasti dan **770 unit** telah pun dilaksanakan secara undian lot.

10. Saya juga mengumumkan dana berjumlah **RM20 juta yang** diperuntukkan menerusi Skim Jaminan Kredit Perumahan **kepada pinjaman-pinjaman perumahan** dalam kalangan generasi baharu FELDA.

11. Di bawah skim ini, mereka tidak memerlukan sebarang cagaran bagi membuat pinjaman tertakluk sehingga dana ini habis dimanfaatkan.

12. Projek PGBF yang terbengkalai juga akan disiapkan menerusi inisiatif pembiayaan swasta dengan **kos pembangunan RM204 juta.**

13. Saya difahamkan projek perumahan ini akan dimulakan pada bulan Disember ini dan dijangka siap untuk diduduki pada bulan Disember 2024.

## **Keluarga Malaysia FELDA yang saya kasihi,**

14. Bagi memberikan peluang kepada generasi baharu untuk melebarkan perniagaan mereka, saya telah mengumumkan penubuhan Tabung Usahawan Belia FELDA dengan dana pusingan **RM10 juta**.

15. Alhamdulillah, sejumlah 23 permohonan telah diterima di peringkat wilayah dan permohonan ini seterusnya akan dibawa ke peringkat ibu pejabat untuk kelulusan.

16. Saya menyeru kepada FELDA supaya menyegerakan proses ini bagi memastikan manfaat kepada generasi baharu dapat dioptimumkan.

17. Selain itu, Kerajaan turut memperuntukkan sejumlah RM2.6 bilion kepada tiga agensi di bawah KPLB iaitu FELDA, FELCRA dan RISDA.

## **Keluarga Malaysia Felda yang saya kasihi,**

18. Program Pembangunan Peneroka ( PPP) yang diperkenalkan bagi meningkatkan serta mempelbagaikan pendapatan peneroka mula membuah hasil apabila **8,637 projek** telah diluluskan dengan peruntukan **RM237 juta**.

19. Di Parlimen Bera ini sahaja, sejumlah **184 projek** telah diluluskan dengan peruntukan **RM8.4 juta** manakala **di seluruh negara**, projek-projek yang dilaksanakan telah berjaya memberikan **purata pendapatan bulanan sebanyak RM444** kepada para peneroka terlibat.

20. FELDA juga menyertai projek jagung bijirin yang melibatkan peruntukan RM20 juta dengan kerjasama FGV di tanah seluas 3,500 hektar di mana 200 hektar daripadanya merupakan tanah milik FELDA.

21. Tahniah saya ucapkan kepada FELDA dan FGV kerana membantu Kerajaan memperkasakan sekuriti makanan negara.

### **Keluarga Malaysia Felda yang saya kasihi,**

22. Pada sambutan Hari Peneroka FELDA 2022 juga, saya telah mengumumkan peruntukan khas RM66,000 bagi setiap rancangan tanah sempena ulang tahun ke-66 FELDA, kerana infrastruktur yang sempurna penting kepada kesejahteraan warganya.

23. Hari ini juga kita akan menyerahkan peruntukan dana ini kepada 14 buah rancangan tanah di Parlimen Bera dengan jumlah keseluruhan RM924,000.

24. Saya berharap peruntukan ini akan digunakan sebaiknya bagi menaik taraf infrastruktur terlibat sekali gus meningkatkan tahap keselamatan selain memberi keceriaan kepada kawasan rancangan.

25. Kerajaan turut bersetuju memberi Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) kepada pekebun kecil getah FELDA di seluruh negara sebanyak RM800 sebulan selama empat bulan. Ini kerana Kerajaan memahami cabaran dan kepayahan yang dihadapi pekebun kecil getah pada musim tengkujuh.

26. Selain itu, Kerajaan juga meluluskan peruntukan RM1 bilion bagi tujuan penstrukturan semula hutang-hutang FELDA.

### **Keluarga Malaysia FELDA yang saya kasihi,**

27. Akhir kata, saya yakin kejayaan ini akan mengembalikan semula keyakinan peneroka, generasi baharu dan juga orang awam terhadap FELDA.

28. Dengan kata-kata dan harapan tersebut, dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan **Himpunan Keluarga FELDA Teguh Bersama.**

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/teks-ucapan-sempena-majlis-himpunan-keluarga-felda-teguh/>